

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (16)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 8 TAHUN 2020**

Tarikh : 30 September 2020 (Rabu).
Masa : 11.30 Pagi – 12.30 tengahari.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 14 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan September 2020.

3. PERUTUSAN PENGERUSI

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Di dalam Mesyuarat Majlis Khas yang diadakan sebentar tadi, Majlis telah meluluskan satu (1) anggaran bajet sebanyak RM408,382,280.00 pada tahun 2021. Beliau berharap agar bajet yang diluluskan dapat memenuhi hasrat Majlis untuk mentadbir kawasan Petaling Jaya dengan cekap dan berkesan

serta dapat memenuhi kehendak semua lapisan penduduk selaras dengan tema `Petaling Jaya Mampan dan Inklusif`.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

3.1 **SKIM REBAT CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU BERKARBON RENDAH PETALING JAYA 2020**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menerima pakai Kerangka Kerja `Low Carbon Cities Framework` yang disediakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (MESTECC) dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) sebagai panduan menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah pada 14 Disember 2010.

Susulan itu, pasukan petugas `Low Carbon Green City of Petaling Jaya` telah ditubuhkan untuk merangka pelan tindakan, dasar dan program yang berkaitan antaranya ialah skim rebat cukai taksiran bagi pemilik rumah mesra alam hijau berkarbon rendah.

Skim insentif dalam bentuk rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah yang mesra alam hijau dan mampan di kawasan Petaling Jaya merupakan antara inisiatif yang telah disyorkan dan diluluskan oleh MBPJ pada 28 Julai 2011 untuk perlaksanaan. MBPJ menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di benua Asia melaksanakan skim seumpama ini. Susulan itu, pada November 2013, skim ini telah dianugerahkan `Green Apple Award` oleh The Green Organisation di London, England.

Skim ini bertujuan menggalakkan penduduk menjalani gaya hidup yang mesra alam seterusnya menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah. Rebate cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam dan hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan dan pengangkutan.

Skim ini juga telah dipilih oleh kerajaan Malaysia melalui MESTECC untuk dijadikan sebagai projek rintis perlaksanaan projek `Green Technology Application For Low Carbon Cities` (GTALCC) yang merupakan projek pembangunan inisiatif teknologi hijau di Malaysia bersama-sama United Nation Development Programme (UNDP) selama 5 tahun. Pemilihan skim rebat ini bertujuan untuk kerajaan persekutuan merangka strategi memperluaskan pelaksanaan inisiatif ini ke seluruh negara.

Menerusi skim ini, rebat cukai yang ditawarkan adalah maksima 100% cukai taksiran tahunan atau RM 500.00 mana yang lebih rendah mengikut peraturan seperti jadual berikut:

Bil	Aspek	Insentif
A	Tenaga	Rebat maksima 40%
1.	Pemasangan solar heater.	20%
2.	Penjanaan tenaga elektrik dengan solar panel ataupun sumber tenaga pembaharuan lain.	20%
3.	Pemasangan sekurang-kurangnya 70% lampu LED dalam rumah/lampu/mentol jimat tenaga.	20%
4.	Penggunaan kelengkapan / peralatan elektrik 5 bintang yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia kecuali kipas angin.	20%
5.	Roof Insulation.	20%
6.	Jumlah penggunaan elektrik adalah kurang daripada 112kwatt/jam/kapita/bulan.	25%
B	Air	Rebat maksima 40%
1.	Pemasangan sistem pengumpulan air hujan.	20%
2.	Sistem kitar semula air sisa buangan.	20%
3.	Jumlah penggunaan air kurang daripada 202 liter/kapita/hari.	25%
4.	Alat penjimatan air (kurangkan vol/min).	20%
5.	Pemasangan flush box kurang daripada 6 liter.	20%

C	Sisa Buangan	Rebat maksima 40%
1.	Pengkomposan sisa/pembuatan eco-enzim	25%
2.	Recycle (Pengasingan sisa untuk tujuan kitar semula).	25%
3.	Re-use (Barangan yang digunakan semula).	25%
4.	Reduce of resources (Pengurangan penggunaan sumber).	25%
D	Pengangkutan	Rebat maksima 30%
1.	Memiliki dan menggunakan kereta hibrid / elektrik / motorsikal elektrik / kereta NGV untuk ke tempat kerja / beriadah.	20%
2.	Menaiki pengangkutan awam / berjalan kaki / menunggang basikal untuk tujuan bekerja dan beriadah.	20%
E	Kepelbagaian Biologi	Rebat maksima 30%
1.	Lebih daripada 50% Liputan keluasan rumah adalah landskap lembut / hijau(landed property).	20%
2.	`Significant planting' (rumah bertingkat).	20%
3.	Landskap hijau lembut di hadapan rumah ataupun `perimeter planting' sekurang-kurangnya 2 meter dan ke atas.	20%

Statistik Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau

Tahun	Jumlah Permohonan	Layak menerima rebat	Tidak layak	Rebat 100%	Jumlah Rebat
2011	49	49	-	13	RM18,184.43
2012	71	65	6	15	RM20,159.25
2013	106	57	9	24	RM32,602.85
2014	152	142	10	37	RM47,842.15
2015	148	135	13	18	RM43,664.54
2016	123	111	12	9	RM20,181.60
2017	76	76	-	8	RM20,740.55
2018	619	605	14	96	RM211,005.11
2019	849	698	151	160	RM237,687.69

***Jumlah keseluruhan pemberian rebat dari 2011 hingga 2019 = RM652,068.17.

Sehubungan dengan itu, Majlis pada 15 Julai 2020 yang lalu telah melancarkan Skim Rebat Cukai Taksiran Bagi Pemilik Rumah Mesra Alam Hijau Berkarbon Rendah Petaling Jaya Tahun 2020.

Borang permohonan boleh diperolehi di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Tingkat 20, Menara MBPJ atau boleh memuat turun dari laman web rasmi www.mbpj.gov.my. Setiap permohonan akan dinilai oleh panel penilai bebas yang dilantik oleh Majlis. Pemohon yang layak akan menerima rebat yang dikreditkan terus dalam akaun cukai taksiran pemilik rumah pada tahun hadapan. Tarikh tutup permohonan adalah pada 16 Oktober 2020.

3.2 PELAKSANAAN PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI PETALING JAYA

Terdapat dua (2) kategori premis yang berdaftar dengan MBPJ untuk caj beg plastik melalui Pendaftaran Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor. Kategori pendaftaran adalah seperti berikut:

- a) Pendaftaran Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor – 489 premis.
- b) Pengesahan dan permohonan sijil premis bebas beg plastik di Negeri Selangor – 56 premis.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) ke 33/2019 pada 13 November 2019 yang disahkan oleh MMKN ke 34/2019 telah menimbang dan meluluskan cadangan pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor. Selaras dengan itu, Mesyuarat Penyelarasan Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor yang diadakan pada 10 Disember 2019 meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan kutipan caj beg plastik di Negeri Selangor. Sehubungan dengan ini, Majlis telah menghantar notis kepada semua pemegang lesen pada 4 Februari 2020 yang lalu dan disusuli notis kedua pada 22 Mei 2020.

Majlis juga telah menetapkan kaedah bayaran kepada Bendahari Negeri Selangor setiap 3 bulan sekali di mana jumlah bayaran pengenaan caj beg plastik yang diterima daripada pemilik premis atau pemegang lesen akan dikreditkan kepada Kerajaan Negeri sebanyak enam puluh peratus (60 %). Sehubungan itu, jumlah kutipan yang telah dikutip oleh Majlis bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM 806,588.60.

Antara objektif utama pelaksanaan kutipan caj beg plastik di Negeri Selangor adalah bertujuan untuk:

- a) Mengurangkan penggunaan beg plastik di mana premis-premis perniagaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna;
- b) Meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada orang awam terhadap bahaya pencemaran bahan plastik serta menjadikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- c) Bagi mewujudkan Negeri Selangor yang bersih, sihat dan mesra alam sekitar.

Melalui kutipan tersebut, pelan perbelanjaan Majlis digunakan bertujuan untuk bayaran bagi penganjuran program dan aktiviti berkaitan alam sekitar/kepenggunaan oleh PBT, agensi Kerajaan Negeri/Persekutuan serta pertubuhan/persatuan.

Selain itu, ianya juga turut digunakan untuk bayaran pembekalan bahan promosi dan kempen berkaitan kesedaran alam sekitar dan apa-apa perbelanjaan yang dirasakan perlu oleh Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah untuk program dan aktiviti berkaitan pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

3.3 PROGRAM USAHAWAN MIKRO

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan pelbagai program kepada Usahawan Mikro di Petaling Jaya dalam usaha merakyatkan ekonomi golongan B40. Melalui program ini, Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Mikro bagi membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan penjaja.

Majlis telah menyediakan tapak penempatan kepada peniaga tanpa lesen dan penyusunan peniaga tanpa lesen secara *in situ* (berada pada kedudukan asal). Konsep penempatan adalah tapak perkongsian mengikut sesi yang telah ditetapkan seperti sesi pagi, sesi tengah hari dan sesi petang. Waktu operasi permit adalah 4 jam. Tempoh permit adalah selama sebulan.

Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah program penempatan dan penyusunan peniaga tanpa lesen secara *in situ* seperti Projek Perintis Transformasi Usahawan Mikro yang telah dilaksanakan di PJS 2/18 Taman Dato Harun. Konsep projek perintis ini adalah berkonsepkan permit sementara bermasa mengikut sesi iaitu sesi pagi, sesi petang dan sesi malam. Tapak yang disediakan ini adalah secara perkongsian di mana satu tapak boleh dikongsi mengikut 3 sesi yang telah ditetapkan. Konsep perkongsian tapak ini dapat memberikan lebih ramai peniaga tanpa lesen untuk menjana ekonomi demi menampung perbelanjaan harian.

Majlis juga telah mengenalpasti satu lagi lokasi bagi Projek Transformasi Usahawan Mikro iaitu di Zon PJU di Jalan Camar Seksyen 4 Kota Damansara. Konsep yang akan dilaksanakan adalah sama seperti yang telah dilaksanakan di PJS 2/18 Taman Dato Harun.

Dengan pembinaan projek ini, diharapkan agar peniaga-peniaga tanpa lesen yang semakin hari semakin banyak seperti cendawan tumbuh dapat menjana ekonomi di tapak yang telah disediakan oleh Majlis.

Selain daripada itu, program penyusunan dan penempatan peniaga tanpa lesen juga telah dilaksanakan di kawasan PJCC di mana peniaga-peniaga lemang dan buah-buahan bermusim telah ditempatkan di dalam satu kawasan bagi menjadikan lokasi tersebut sebagai 'hotspot' kepada penduduk Petaling Jaya bagi mendapatkan lemang dan buah-buahan bermusim.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Ahli Majlis kerap turun di lapangan bagi menyelesaikan isu peniaga tanpa lesen dengan memperuntukkan permit sementara bermasa kepada peniaga. Lokasi yang boleh dipertimbangkan telah ditawarkan permit sementara bermasa.

Selain daripada itu, Majlis telah meluluskan satu dasar baru iaitu pemberian permit sementara secara serta merta di lapangan. Peniaga akan disemak di lapangan dan akan diberikan kelulusan secara serta merta mengikut ulasan jabatan teknikal yang berkaitan. Sekiranya kesemua jabatan teknikal menyokong, surat tawaran akan diberikan kepada peniaga serta merta di lapangan. Peniaga juga diberikan sesi penjelasan berhubung syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga.

Secara keseluruhannya, Majlis telah mengeluarkan 401 permit sementara di seluruh kawasan Petaling Jaya. Selain daripada pemberian permit sementara bermasa, Majlis juga telah menyelesaikan bancian dan penyusunan pasar malam di 28 lokasi dan pasar pagi di 7 lokasi seluruh Petaling Jaya.

Keseluruhan jumlah usahawan mikro pasar malam di Petaling Jaya adalah sebanyak 2,908 orang manakala jumlah usahawan mikro pasar pagi yang telah berlesen adalah sebanyak 210 orang.

Tawaran kemasukan ke gerai-gerai kosong Majlis juga telah dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan iaitu dengan mengadakan sesi temuduga dan cabutan undi lot kepada 159 permohonan yang telah berjaya.

Bagi tujuan pemantauan dan memastikan lesen atau permit tidak di salah guna kepada orang lain atau warga asing, Majlis telah mewujudkan Sistem Thumbprint bagi pengambilan lesen sejak tahun 2018 dan pelaksanaan Sistem Demerit dan Sistem Biometric yang telah dilaksanakan bermula tahun 2020.

3.4 **PERMOHONAN ONLINE PERMIT DEEPAVALI 2020**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuka permohonan tapak Permit Deepavali tahun 2020 secara dalam talian bermula sejak 17 hingga 30 September 2020. Orang ramai khususnya peniaga boleh mengakses permohonan pada tempoh tersebut di laman sesawang <https://elesen.mbpj.gov.my/> selama 14 hari.

Selain itu, Majlis juga telah memperuntukkan sebanyak 2 lokasi tapak Deepavali meliputi 36 petak. Berikut adalah lokasi tapak dan jumlah petak yang diperuntukkan:

LOKASI	JUMLAH PETAK
Jalan SS 9A/13, Sungei Way	18
Pasar Jalan Othman	18
JUMLAH KESELURUHAN	36

3.5 KAWALAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN DI PETALING JAYA

3.5.1 SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada Minggu Epid (ME) ke 38/2020 adalah sejumlah 3,238 kes. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 45 peratus berbanding tahun 2019 dengan sebanyak 5,872 kes.

Tiada jumlah lokaliti hotspot yang aktif dilaporkan sehingga ME 38 (15 September 2020) di kawasan pentadbiran MBPJ. Namun, 1 kes kematian dilaporkan pada tahun 2020. 11 wabak terkawal dan 3 wabak tidak terkawal di laporkan di kawasan MBPJ.

Walau bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah 3,238 kes, MBSA 4,598 kes dan MPSJ 5,443 kes.

Jumlah lokaliti wabak terkawal adalah seperti berikut:

BIL	LOKALITI WABAK TERKAWAL	BIL. KES	TARIKH MULA WABAK	TARIKH TAMAT WABAK
1	E6. BL PJU 9 SD 13 PARADESA RUSTIQA KONDO	2	03/09/2020	17/09/2020
2	E6. BL PJU 9 SD 8	2	03/09/2020	17/09/2020
3	E7. KD PJU 3 TROPICANA INDAH	3	26/08/2020	21/09/2020
4	E7. KD PJU 5 SEK 11 GUGUSAN DEDAP 2 (6, 7, 8, 9, 10)	3	10/09/2020	25/09/2020

BIL	LOKALITI WABAK TERKAWAL	BIL. KES	TARIKH MULA WABAK	TARIKH TAMAT WABAK
5	E9. KT SS 3 (TERES 2) [JLN SS 3/39,80,82,84,86,88,90,9 2,94,96,98]	3	09/09/2020	24/09/2020
6	E10. BG SEK 5 TMN PETALING (1) [5/44,46,51,54,55,57,59, 61,65,67]	4	25/08/2020	22/09/2020
7	E10. BG JALAN PENCALA	3	07/09/2020	24/09/2020
8	E11. SRI PJU 1A PPRT 1 BLOK (A,B,C)	2	09/09/2020	23/09/2020
9	E11. SRI PJS 8 MENTARI COURT	4	09/09/2020	25/09/2020
10	E11. SRI PJS 10 RIDZUAN KONDO	4	25/08/2020	16/09/2020
11	E12. TM PJS 2C APT MEDAN CAHAYA 1 (BLOK A , B , C)	2	05/09/2020	19/09/2020
JUMLAH KES		32		

Jumlah lokaliti wabak tidak terkawal adalah seperti berikut:

BIL	LOKALITI WABAK TIDAK TERKAWAL	BIL. KES	TARIKH MULA WABAK	TARIKH TAMAT WABAK
1	E6. BL PJU 10 APT LESTARI	6	27/08/2020	25/09/2020
2	E10. BG SEK 16 PRIMA 16 (BLOK A, B, C, D) [JLN 16/18]	5	18/08/2020	22/09/2020
3	E12. TM SEK 51A FLAT IMPIAN Baiduri	5	17/08/2020	21/09/2020
JUMLAH KES		16		

3.6 TINDAKAN PENGUATKUASAAN PENIAGA YANG MENGGAJIKAN PEKERJA ASING

Susulan arahan Kerajaan Negeri berhubung larangan menggaji pekerja warga asing oleh pemegang lesen peniaga kecil dan penjaja, operasi penutupan ke atas penggerai yang menggajikan pembantu warga asing telah dilakukan bermula Jun 2020.

Sebanyak 33 gerai telah diarahkan tutup kerana melanggar arahan ini. Lokasi yang diarahkan tutup adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI	JUMLAH PENUTUPAN
1	Pasar Jalan Othman	7
2	Gerai Makan Pasar Jalan Othman	1
3	Pasar Seri Setia	4
4	Pasar Taman Megah	4
5	Gerai Aneka Selera Sek. 8	8
6	Pasar Kg Cempaka	6
7	Pasar Awam Jalan 17/2	3
JUMLAH		33

3.7 RESTORAN DAN KEDAI SERBANEKA DILANJUTKAN BEROPERASI

Susulan pengumuman lanjutan waktu operasi restoran dan kedai serbaneka sehingga pukul 2 pagi oleh Majlis Keselamatan Negara, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk turut membenarkan restoran dan kedai serbaneka di Negeri Selangor untuk beroperasi sehingga jam 2 pagi.

Ini adalah berdasarkan kes Covid-19 di Negeri Selangor dalam keadaan terkawal sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Walaubagaimanapun, pencegahan penularan Covid-19 masih merupakan keutamaan Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, para pengunjung dan pengusaha diingatkan agar sentiasa mematuhi SOP

yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan mengamalkan penjarakan fizikal.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020).**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 7 Tahun 2020 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 26 Ogos 2020 disahkan tanpa pindaan.

5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 7 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 OGOS 2020.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
6.6	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 OGOS 2020.</p> <p>- Encik Tang Fueie Kok memaklumkan bahawa satu kertas kerja berkaitan Kajian Pemuliharaan Tasik Aman telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan akan tetapi keputusan berkenaan perkara yang dibincangkan telah tidak diminitkan di dalam mesyuarat tersebut.</p>	<p>Pengarah Jabatan Landskap memaklumkan bahawa keputusan berkaitan Kajian Pemuliharaan Tasik Aman telah diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bil. 8/2020 bertarikh 14 September 2020.</p>
6.7.1	<p>CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 17 OGOS 2020.</p> <p>- Beliau memaklumkan Ahli Majlis, Encik Farhan Haziq Bin Mohammed bertanyakan</p>	<p>Aduan tersebut telah disenaraikan untuk tindakan pembaikan oleh kontraktor</p>

	mengenai permohonan pembinaan laluan pejalan kaki di sepanjang Jalan 20/13 di kiri dan kanan jalan, menuju ke LRT Taman Paramout.	tahunan Majlis. Kerja – kerja pembaikan dijangka bermula pada 7.10.2020 sehingga 28.10.2020. Pihak NPE memaklumkan lorong tersebut akan digunakan sebagai lorong kecemasan untuk kegunaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan ruang kosong tersebut telah dijadikan 'hatching line' bagi mengelakkan kenderaan memotong barisan.
RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	- Bahagian Lalulintas memaklumkan telah menulis surat kepada Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkenaan penyelarasan tempoh fasa lampu isyarat tersebut. Pihak DBKL sedang melaksanakan penyelarasan tersebut dan sedang dalam proses kajian. Berkenaan isu membesarkan pepulau di Jalan Templer ditukar bemula dari Seksyen 18 Petaling Jaya sehingga ke persimpangan Kampung Pasir dan sempadan Jalan Templer dan Lebuhraya Lembah Pantai (NPE).	Berdasarkan surat daripada Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bertarikh 8 Julai 2020, pemantauan pergerakan lalulintas di persimpangan Templer – NPE menuju ke OUG, Kuala Lumpur masih dibuat oleh pihak DBKL sehingga kini.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 27 OGOS 2020, 8 SEPTEMBER 2020 DAN 21 SEPTEMBER 2020.

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (40)

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (42)

(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (44)

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 14 SEPTEMBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (76))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**6.3 Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ
CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 26 OGOS 2020 DAN 14 SEPTEMBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (99)
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (101))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 SEPTEMBER 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (51))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 7.5.2 c) di muka surat 37 seperti berikut:

... longkang tanpa kebenaran. Dalam masa yang sama lawatan bersepadu dengan jabatan terlibat perlu diadakan dengan segera.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pekhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 SEPTEMBER 2020.
RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (49).**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 18 SEPTEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (47))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 18 SEPTEMBER 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (72).

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan ayat bagi perkara 5.3.1 e) perenggan 3 di muka surat 7 seperti berikut:

... memohon semua jabatan untuk mengambil ...

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 24 OGOS 2020 DAN 21 SEPTEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (135)) (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (137))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan kepada lampiran kehadiran bertarikh 24 ogos 2020 di mana Encik Terence Tan Teck Seng digantikan kepada Puan Rahibah binti Che Omar.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 18 OGOS 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (85)).

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ

7. UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH.****7.1.1 Statistik Pelantikan Berdasarkan Kaum**

Beliau mengemukakan permohonan berkaitan statistik terbaru pelantikan kakitangan majlis berdasarkan kaum memandangkan terdapat aduan berkaitan ketidakseimbangan kaum di dalam pelantikan majlis.

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis melantik kakitangan berdasarkan kelayakan sijil sebagaimana pekeling dan pengalaman dan tiada isu pelantikan melibatkan kaum. Majlis akan mengemukakan statistik pelantikan sebagaimana yang dipohon.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya-Petaling Jaya.

Bertarikh : 30 September 2020.

HADIR:

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.

16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR

1. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

4. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. Ybhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Encik Aznan bin Hj. Hassan, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Ar. Hjh. Siti Azurah binti Mohd. Ghazali, P.P.T.,
Wakil Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan Dr. LAr. Badruzaman bin Jaafar,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Tzu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

SULIT

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.



SULIT